

SENTRAL

Selesai masalah urus sumber air

SINAR HARIAN (CENTRAL) 2 NOV 2016 m/s 36

Kerajaan negeri cadang tubuh jawatankuasa khas

■ DIANA SURYA ABD WAHAB

KUANTAN - Kerajaan negeri berhasrat menubuhkan satu jawatankuasa khas dalam usaha menyelesaikan masalah dan mernantapkan pengurusan sumber air di Pahang dalam tempoh terdekat.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, cadangan itu dipertimbangkan selepas mendengar pandangan dikemukakan semua ahli panel yang membentangkan kertas kerja sempena Bengkel Kelestarian Sumber Air Negeri Pahang, di sini, semalam.

Menurutnya, bengkel anjuran kerajaan negeri selama dua hari dan berakhir semalam itu banyak mengemukakan pandangan dan idea baharu yang boleh dijadikan panduan.

"Kita begitu menghargai segala pandangan mereka dan secara dasarnya kerajaan negeri menerima, justeru itu kita bersetuju untuk menubuhkan satu badan melalui jawatankuasa khas seperti mana dicadangkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutup Begkel Kelestarian



Adnan (kiri) menerima hasil rumusan Bengkel Kelestarian Sumber Air Negeri Pahang daripada Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr Yusarie Zainuddin, semalam.

Sumber Air Negeri Pahang, di sini semalam.

Hadir sama, Exco Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Seri Ir. Mohd Sofi Abd Razak.

Adnan berkata, jawatan-kuasa itu nanti akan bertindak memberi khidmat nasihat, memantau dan mengemukakan laporan serta idea baharu bagi memastikan kerajaan negeri dapat menguruskan sumber air dengan lebih baik.

"Jawatankuasa khas itu akan dianggotai golongan profesional, wakil jabatan kerajaan atau agensi swasta dan beberapa

pa NGO berkepentingan.

"Saya juga akan mengemukakan cadangan untuk melantik Pengerusi Majlis Profesor Negara, Professor Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid dan wakil NGO iaitu Professor Dr Maketab Mohamed untuk turut serta dan saya harap mereka bersedia mengetuai jawatankuasa ini nanti," katanya.

Sementara itu, katanya, kerajaan negeri juga memerlukan bajet khas daripada kerajaan pusat untuk mempertingkatkan infrastruktur negeri ini yang dianggarkan melibatkan kos kira-kira RM2 bilion.